# ASM PREMIER FUND

## LAPORAN SETENGAH TAHUN BERAKHIR 15 FEBRUARI 2009

**ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD**
**(256439-D)**
Tingkat Bawah, Wisma ASMB
No. 1A, Jalan Lumut
Peti Surat 10701
50722 Kuala Lumpur

# MAKLUMAT KORPORAT

**PENGURUS**

**ASM Investment Services Berhad (256439-D)**
*(Subsidiari milik penuh Amanah Saham Mara Berhad)*

**IBU PEJABAT**

Tingkat Bawah, Wisma ASMB
No. 1A, Jalan Lumut
Peti Surat 10701
50722 Kuala Lumpur
Tel: (03) 4145-3800 Faks: (03) 4145-3901
E-mel: asmis@asmb.com.my
Laman Web: www.asmb.com.my/uniTrust/corp_profile.htm

**LEMBAGA PENGARAH**

YBhg. Datuk (Dr.) Zamani bin Md. Noor - Pengerusi
YBhg. Dato' Kamaruddin bin Mohammed
YBhg. Dato' Sri Hj Abd Rahim bin Hj Abdul
YBhg. Prof. Dr. Faridah bt Hj Hassan
Encik Mansoor bin Ahmad
Encik Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

Encik Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff

**SETIAUSAHA SYARIKAT**

Puan Shahrizat bt Othman (MAICSA NO.0764744)
Puan Zaharah bt Ibrahim (MAICSA NO. 7012004)

**JAWATANKUASA PELABURAN**

YBhg. Dato' Kamaruddin bin Mohammed
Encik Hassan bin Jaafar
Encik Wan Abdul Rahman bin Wan Abu Samah
Encik Mansoor bin Ahmad

**PEMEGANG AMANAH**

Amanah Raya Berhad (344986-V)

**JURUAUDIT**

Tetuan Ahmad Abdullah & Goh (AF-0381)

| NO. | KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| **1.** | **MAKLUMAT TABUNG** | **4** |
| 1.1 | Profil Tabung | 4 |
| 1.2 | Kategori/Jenis Tabung | 4 |
| 1.3 | Saiz Tabung | 4 |
| 1.4 | Objektif Tabung | 4 |
| 1.5 | Tanda Aras Tabung | 4 |
| 1.6 | Dasar Pengagihan Tabung | 4 |
| 1.7 | Kedudukan Pegangan Unit | 4 |
| **2.** | **PENCAPAIAN DANA** | **5 – 6** |
| 2.1 | Komposisi Tabung | 5 |
| 2.2 | Prestasi IK KL | 6 |
| 2.3 | Pengagihan Pendapatan/Terbitan Unit Pecahan | 6 |
| **3.** | **LAPORAN PENGURUS** | **7 – 13** |
| 3.1 | Bandingan Prestasi Tabung Dengan Tanda Aras | 7 |
| 3.2 | Prestasi Kewangan Tabung | 8 |
| 3.3 | Unit Dalam Edaran/Nilai Aset Bersih/IK KL | 8 |
| 3.4 | Jumlah Pulangan Tabung | 9 |
| 3.5 | Polisi dan Strategi Pelaburan | 9 |
| 3.6 | Pengagihan Aset-Aset Tabung | 9 |
| 3.7 | Prestasi Instrumen Pelaburan | 10 |
| 3.8 | Suasana Bursa Saham Tempatan | 11 |
| 3.9 | Suasana Pasaran Wang | 12 |
| 3.10 | Pengagihan Pendapatan/Terbitan Unit Pecahan | 13 |
| 3.11 | Kepentingan Pemegang-Pemegang Unit | 13 |
| 3.12 | Rebet dan Komisen Tidak Langsung | 13 |

| NO. | KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 4. | PERNYATAAN PENGURUS | 14 |
| 5. | PERNYATAAN PEMEGANG AMANAH | 15 |
| 6. | PENYATA KEWANGAN | 16 – 29 |
| 7. | ASAS PENGIRAAN MAKLUMAT PRESTASI DAN PENCAPAIAN DANA | 30 – 31 |
| 8. | MAKLUMAT TAMBAHAN | 32 |
| 9. | MAKLUMAT JARINGAN PERNIAGAAN | 33 – 34 |
| 10. | MAKLUMAT PERHUBUNGAN PELABUR | 35 |
| 11. | BORANG PERTUKARAN ALAMAT | 36 |

# 1. MAKLUMAT TABUNG

## 1.1 Profil Tabung

Tabung ini telah dilancarkan pada 14 Ogos 1972 sebagai Kumpulan Modal Bumiputra Pelaboran Perwira, khas untuk Bumiputera dan dilancarkan semula sebagai ASM Premier Fund (ASM Premier) pada 12 Jun 1995, dibuka penyertaannya kepada orang ramai dari semua kaum dan akan terus beroperasi sehingga ia diberhentikan atau dibubarkan mengikut Suratikatan Amanah dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

## 1.2 Kategori/Jenis Tabung

Dana Ekuiti / Pertumbuhan dan Pendapatan.

## 1.3 Saiz Tabung

350.0 juta unit.

## 1.4 Objektif Tabung

Memberi peluang kepada pelabur-pelabur untuk mencapai pertumbuhan modal dalam jangkamasa panjang melalui semua jenis pelaburan yang dibenarkan, dengan pengagihan pendapatan dianggap sebagai sampingan.

## 1.5 Tanda Aras Tabung

Indeks Komposit Kuala Lumpur (IK KL).

## 1.6 Dasar Pengagihan Tabung

Dasar pengagihan bagi Tabung ini adalah sampingan kerana tumpuan utama Tabung adalah untuk mencapai pertumbuhan modal.

## 1.7 Kedudukan Pegangan Unit Oleh Pemegang-Pemegang Unit Pada 15 Februari 2009

| Saiz Pegangan Unit | Jumlah Pemegang Unit | % | Jumlah Unit Dipegang * | % |
|---|---|---|---|---|
| 5,000 dan ke bawah | 6,636 | 53.91 | 14,421,105.46 | 8.99 |
| 5,001 - 10,000 | 2,108 | 17.13 | 14,378,446.69 | 8.97 |
| 10,001 - 50,000 | 3,082 | 25.04 | 61,923,990.21 | 38.62 |
| 50,001 - 500,000 | 468 | 3.80 | 52,180,741.36 | 32.54 |
| 500,001 dan ke atas | 15 | 0.12 | 17,442,146.58 | 10.88 |
| **Jumlah** | **12,309** | **100.00** | **160,346,430.30** | **100.00** |

* *Nota: Tidak termasuk unit Pengurus*

## 2. PENCAPAIAN DANA

### 2.1 Komposisi Tabung

Komposisi dan prestasi Tabung bagi tempoh setengah tahun berakhir 15 Februari 2009 dan 3 tahun kewangan berakhir 15 Ogos.

| **Sektor (%)** | | **15 Feb 2009** | **15 Ogos 2008** | **15 Ogos 2007** | **15 Ogos 2006** |
|---|---|---|---|---|---|
| Barangan Pengguna | | 9.0 | 11.6 | 10.9 | 7.4 |
| Barangan Industri | | 10.9 | 11.4 | 10.1 | 7.5 |
| Pembinaan | | 4.5 | 7.6 | 8.4 | 6.6 |
| Dagangan & Perkhidmatan | | 16.2 | 14.5 | 18.2 | 18.2 |
| Perbankan & Kewangan | | 9.7 | 14.1 | 13.7 | 15.9 |
| Hartanah | | 1.3 | 2.2 | 3.5 | 3.5 |
| Perladangan | | 5.1 | 5.8 | 3.1 | 3.0 |
| Infrastruktur | | - | - | 1.3 | 3.2 |
| Skim Pelaburan Kolektif Tersiarharga | | - | - | - | 0.2 |
| Derivatif Tersiarharga | | 0.4 | 0.9 | - | 0.2 |
| Sekuriti Pendapatan Tetap Tersiarharga | | - | - | - | 0.4 |
| Sekuriti Pendapatan Tetap Tak Tersiarharga | | - | - | 8.6 | 11.6 |
| Instrumen Pasaran Wang/dll | | 42.9 | 31.9 | 22.2 | 22.3 |
| **Jumlah** | | **100.0** | **100.0** | **100.0** | **100.0** |
| **Maklumat Prestasi** | | | | | |
| Nilai Aset Bersih (NAB) - xD | (RM'000) | 37,418 | 44,918 | 56,648 | 59,724 |
| Unit Dalam Edaran | ('000) | 162,636 | 162,957 | 174,667 | 206,600 |
| Nilai Aset Bersih Seunit - xD | (RM) | 0.2301 | 0.2756 | 0.3243 | 0.2891 |
| Nilai Aset Bersih seunit - xD: | | | | | |
| - *Tertinggi* | (RM) | 0.2752 | 0.3556 | 0.3697 | 0.3028 |
| - *Terendah* | (RM) | 0.2229 | 0.2851 | 0.2881 | 0.2807 |
| *Jumlah Pulangan* * | (%) | (15.7) | (9.1) | 24.0 | (3.3) |
| - Pertumbuhan Modal * | (%) | (15.7) | (13.0) | 12.6 | (3.3) |
| - Pengagihan Pendapatan * | (%) | - | 3.9 | 11.4 | - |
| Saiz Purata Tabung | (RM'000) | 39,284 | 53,264 | 63,104 | 62,435 |
| Jumlah Perbelanjaan | (RM'000) | 342 | 902 | 1,045 | 1,037 |
| Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) | (%) | ** 0.87 | 1.69 | 1.66 | 1.66 |
| Kos Purata Jualan & Belian | (RM'000) | 4,983 | 63,104 | 34,459 | 23,103 |
| Pusing Ganti Portfolio (PGP) | (kali) | ** 0.13 | 0.40 | 0.55 | 0.37 |

* ***Sumber*: Lipper**

*Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut pasaran.*

** Peratusan PGP merosot agak ketara sebanyak 48.0% bagi tempoh setengah tahun kewangan 2009 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya (15/02/2008: 0.25x) disebabkan oleh pegangan yang berterusan dalam stok-stok terpilih dari sektor barangan industri, kewangan dan dagangan & perkhidmatan yang memberi hasil dividen yang tinggi ekoran suasana pasaran saham yang merudum. Selain dari itu, Pengurus Tabung juga terus meningkatkan pegangan tunai (dalam bentuk deposit) dalam portfolio. Secara keseluruhan, strategi ini menjurus kepada PGP yang rendah. Dalam masa yang sama, ekoran dari kejatuhan harga saham, saiz Tabung terus berkurangan di mana strategi dagangan aktif (peratusan PGP yang tinggi) adalah tidak sesuai dan berisiko tinggi. Manakala NPP hanya meningkat sedikit iaitu sebanyak 1.16% dalam tempoh setengah tahun kewangan 2009 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya (15/02/2008: 0.86%) kerana walaupun saiz purata Tabung menyusut disebabkan oleh pasaran saham yang merudum, namun jumlah perbelanjaan pengurusan hanya berkurangan sedikit berbanding dari tempoh 6 bulan pertama tahun 2008.

| *** Jumlah Pulangan Tahunan (Bagi Tahun Kewangan Berakhir 15 Ogos)** | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **2008** | **2007** | **2006** | **2005** | **2004** |
| (9.1%) | 24.0% | (3.3%) | 4.8% | 15.4% |

| *** Jumlah Purata Pulangan (Bagi Jangkamasa Berakhir 15 Februari)** | | |
|---|---|---|
| **Setahun** | **3 Tahun** | **5 Tahun** |
| (31.4%) | (2.9%) | (2.0%) |

* ***Sumber**: Lipper*

## 2.2 Prestasi IK KL *(Sumber: Bloomberg)*

| **IK KL** | **Bagi Jangkamasa Berakhir 15 Februari** | | |
|---|---|---|---|
| | **1 Tahun** | **2 Tahun** | **3 Tahun** |
| Kadar (Penurunan)/Peningkatan | (36.2%) | (27.7%) | (1.9%) |

## 2.3 Pengagihan Pendapatan/Terbitan Unit Pecahan

Tiada pengagihan pendapatan dan/atau terbitan unit pecahan dicadangkan bagi Tabung sepanjang tempoh setengah tahun kewangan. Manakala pengagihan pendapatan/terbitan unit pecahan bagi 3 tahun kewangan berakhir 15 Ogos adalah seperti berikut:

| **Tarikh/Tahun** | **Bagi Tahun Berakhir 15 Ogos** | | |
|---|---|---|---|
| | **2008** | **2007** | **2006** |
| Pengagihan Tunai - Kasar (sen seunit) | 1.25 | 2.99 | - |
| - Bersih (sen seunit) | 1.04 | 2.75 | - |
| Unit Pecahan - Nisbah seunit | - | - | - |

***Nota:*** Unit Pecahan (jika ada) tidak layak menerima pengagihan pendapatan untuk tahun kewangan semasa.

*Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga Unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut pasaran.*

Sila rujuk muka surat 30 - 31 bagi asas pengiraan.

## 3. LAPORAN PENGURUS

Bagi enam (6) bulan berakhir 15 Februari 2009 (16 Ogos 2008 hingga 15 Februari 2009).

### 3.1 Bandingan Prestasi Tabung dengan Tanda Aras

Prestasi Tabung ini berbanding tanda aras IK KL bagi 5 tahun kewangan berakhir 15 Februari 2009 adalah seperti berikut:-




*(Sumber: Bloomberg)*

Graf di atas mempamerkan pergerakan prestasi pulangan di antara ASM Premier dan penanda aras IK KL bagi setiap jangkamasa 6 bulan sejak 5 tahun lalu. Pada 6 bulan terakhir jangkamasa tersebut, pulangan Tabung telah mengalami penguncupan sebanyak 19.6%. IK KL juga turut mengalami penurunan sebanyak 16.9% bagi jangkamasa yang sama. Penurunan ini adalah disebabkan oleh kejatuhan pasaran saham yang ketara sepanjang tempoh kajian tersebut.

Namun demikian, sejajar dengan prestasi baik di beberapa sektor seperti telekomunikasi, perladangan, utiliti dan lain-lain, Pengurus Tabung menjangkakan prestasi Tabung ini akan terus dipertingkatkan di masa akan datang dengan pengurusan dana yang lebih selektif, berhati-hati serta efektif.

## 3.2 Prestasi Kewangan Tabung

| | **Enam Bulan Berakhir 15/02/2009 (RM)** | Enam Bulan Berakhir 15/02/2008 (RM) | % Perubahan |
|---|---|---|---|
| Dividen Kasar | **546,450** | 687,591 | (20.5) |
| Faedah | **239,641** | 192,297 | 24.6 |
| Faedah Dari Sekuriti Pendapatan Tetap Tak Tersiarharga | **-** | 75,507 | - |
| Pelunasan Premium Dari Sekuriti Pendapatan Tetap Tak Tersiarharga | **-** | (6,221) | - |
| Keuntungan Dari Jualan Pelaburan | **886,118** | 1,504,215 | (41.1) |
| Pendapatan Pelbagai | **-** | 19 | - |
| Jumlah Pendapatan | **1,672,209** | 2,453,408 | (31.8) |
| Tolak: Perbelanjaan & Cukai | **453,471** | 637,280 | (28.8) |
| Keuntungan Selepas Cukai | **1,218,738** | 1,816,128 | (32.9) |

## 3.3 Unit Dalam Edaran/Nilai Aset Bersih/IK KL

| | **15/02/2009** | 15/08/2008 | % Perubahan |
|---|---|---|---|
| Unit Dalam Edaran | **162,636,000** | 162,957,000 | (0.2) |
| Nilai Aset Bersih (RM) | **37,417,587** | 44,918,200 | (16.7) |
| Nilai Aset Bersih/Unit | **0.2301** | 0.2756 | (16.5) |
| IK KL | **909.84** | 1,095.05 | (16.9) |

## 3.4 Jumlah Pulangan Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 15 Februari 2009

| **Pertumbuhan Modal/Unit** | **Pulangan Pendapatan (Bersih)/Unit** | **Jumlah Pulangan/Unit** |
|---|---|---|
| **(sen)** | **(sen)** | **(sen)** |
| **(4.6)** | **-** | **(4.6)** |

Pada 15 Februari 2009, unit di dalam edaran merosot sebanyak 0.2% berbanding enam bulan lepas. Manakala, NAB Tabung pula menunjukkan penurunan sebanyak 16.7%. NAB seunit merosot sebanyak RM0.0455 dari RM0.2756 kepada RM0.2301 dalam tempoh yang sama.

IK KL yang dijadikan tanda aras prestasi Tabung pula turut mencatat penurunan sebanyak 16.9% untuk jangkamasa yang sama apabila ditutup pada paras 909.84 mata.

## 3.5 Polisi Dan Strategi Pelaburan

Polisi pelaburan Tabung ialah melabur dalam ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain instrumen pelaburan yang dibenarkan.

Sepanjang tempoh setengah tahun kewangan berakhir 15 Februari 2009, bagi mengurangkan risiko ekoran pasaran saham yang merudum, Pengurus Tabung telah mengurangkan pegangan ekuiti memandangkan kemelesetan ekonomi global dan pasaran luar negara yang tidak menentu.

## 3.6 Pengagihan Aset-Aset Tabung

Bagi tahun 2009, pengkhususan agihan aset adalah ke arah saham-saham yang berwajaran tinggi. Ini adalah kerana prospek kehadapan yang dilihat lebih menguntungkan pada kelas-kelas aset tersebut.

Bagi tempoh setengah tahun kewangan yang berakhir 15 Februari 2009, Pengurus Tabung telah mengurangkan pegangan dalam pasaran ekuiti kepada 57.1% berbanding 68.1% pada penutup tahun kewangan sebelumnya akibat daripada pasaran saham luar negara yang tidak menentu ekoran kemelesetan ekonomi global. Aktiviti-aktiviti pembelian terhadap stok-stok terpilih di dalam sektor-sektor yang berpotensi serta memberi pulangan pendapatan seperti sektor perladangan serta minyak dan gas telah dilakukan secara berhati-hati. Pengurus Tabung juga dijangka akan terus menurunkan pegangan ekuiti serta melakukan aktiviti-aktiviti penjualan stok sejajar dengan kekuatan pasaran dalam jangkamasa pendek.

**Pengagihan Aset ASM Premier Pada 15/02/2009**



**Pengagihan Aset ASM Premier Pada 15/08/2008**




## 3.7 Prestasi Instrumen Pelaburan

Pecahan pulangan mengikut kelas aset adalah seperti berikut:-

**PECAHAN PULANGAN SEUNIT MENGIKUT KELAS ASET**

| | 15 Feb 2009 (%) | 15 Ogos 2008 (%) | Naik/ (Turun) (%) | Purata Pendedahan Pelaburan (%) | Purata Pulangan (%) | Pecahan Kepada Jumlah Pulangan (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Ekuiti | 57.1 | 68.1 | (16.2) | 62.6 | (30.7) | (19.2) |
| Instrumen Pasaran Wang/dan lain-lain | 42.9 | 31.9 | 34.5 | 37.4 | 1.1 | 0.4 |
| Perbelanjaan | | | | | | (0.7) |
| **Jumlah Pulangan** | | | | | | **(19.5)** |

Untuk jangkamasa setengah tahun berakhir 15 Februari 2009, Pengurus Tabung telah melabur di pasaran ekuiti sebanyak 57.1%. Pelaburan tersebut telah menghasilkan purata pulangan negatif iaitu 30.7%. Pelaburan dalam instrumen pasaran wang dan lain-lain bentuk pelaburan pula telah mencatat purata pulangan yang positif iaitu 1.1% untuk jangkamasa yang sama.

## 3.8 Suasana Bursa Saham Tempatan




Pasaran saham Malaysia menunjukkan prestasi yang negatif pada separuh pertama Ogos 2008 apabila IK KL terus merosot untuk berada di bawah paras 1,100 mata ekoran kejatuhan yang berterusan dalam harga saham-saham perladangan dan juga sentimen pasaran yang tidak bermaya disebabkan oleh suasana politik tempatan yang tidak menentu.

Pasaran saham tempatan kekal tidak bermaya pada bulan September 2008 kesan daripada kebimbangan terhadap kejatuhan pasaran saham serantau dan juga Wall Street menyebabkan IK KL merosot sebanyak 14% pada bulan tersebut. Pada masa yang sama, kejatuhan dalam harga komoditi seperti minyak kelapa sawit menyebabkan harga saham-saham perladangan terus merosot.

Manakala, pada awal bulan Oktober pula, pasaran saham kekal tidak bermaya menyebabkan IK KL susut di bawah paras 1,000 mata. Kemerosotan ini adalah berpunca daripada tekanan jualan oleh pelabur-pelabur asing dan kejatuhan harga komoditi seperti minyak mentah dan juga minyak kelapa sawit. Pada separuh kedua bulan Oktober 2008, IK KL terus merosot ekoran rentak pasaran serantau yang kurang menggalakkan berikutan kebimbangan terhadap kelembapan aktiviti-aktiviti ekonomi global. Pengurus Tabung mengurangkan aktiviti pelaburan kerana pasaran tidak begitu bermaya menyebabkan urusniaga di bursa tempatan menjadi sederhana. Kerugian saham pada bulan Oktober 2008, kebanyakannya daripada sektor perladangan dan kewangan telah menolak turun penanda aras IK KL untuk ditutup pada paras serendah 864 mata.

IK KL mempamerkan sedikit kekukuhan pada bulan November dengan minat belian tertumpu kepada saham-saham utama. Ini ekoran pakej rangsangan ekonomi bernilai USD586 bilion yang diumumkan oleh China untuk mengatasi kemelut ekonomi. Malaysia juga turut mengumumkan pakej rangsangan ekonomi bernilai RM7 bilion di samping beberapa langkah lain untuk menggalakkan perbelanjaan pengguna. Pada bulan November IK KL di tutup sedikit tinggi daripada bulan sebelumnya pada paras 866 mata.

Pasaran saham merundum sedikit pada awal bulan Disember 2008 kesan daripada perbelanjaan dalam negeri yang menurun serta pertumbuhan eksport yang perlahan. Walau bagaimanapun, sentimen bertukar positif pada minggu berikutnya ekoran kegiatan membeli saham yang diterajui saham perladangan dan kewangan berikutan jangkaan pendapatan yang lebih baik mendorong IK KL di tutup pada paras 876.75 mata pada akhir Disember 2008.

IK KL ditutup tinggi sedikit pada Januari 2009 selari dengan kenaikan dalam harga komoditi terutamanya harga minyak sawit mentah kepada RM1,833/mt pada 16 Januari berbanding RM1,576/mt pada 15 Disember 2008, sekaligus melonjakkan sektor perladangan. Pada masa yang sama, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 75 mata asas kepada 2.50% daripada 3.25% untuk membolehkan pasaran saham IK KL ditutup tinggi sedikit pada 30 Januari 2009 kepada 884.45 mata berbanding 876.75 mata pada 31 Disember 2008. Sentimen pasaran terus mempamerkan prestasi yang positif pada separuh pertama bulan Februari 2009 dengan memperlihatkan peningkatan dalam dagangan, sejajar dengan meningkatnya aliran dalam pasaran serantau yang didorong oleh kenaikan di Wall Street dalam tempoh berkenaan. Para pelabur berharap langkah-langkah rangsangan ekonomi di Amerika Syarikat akan mengurangkan kelembapan ekonomi global. Dalam pasaran tempatan pula, pengumuman "bajet mini" baru-baru ini dijangka dapat meningkatkan sentimen pasaran yang membolehkan IK KL ditutup melepasi paras 900 mata kepada 909.84 mata pada 13 Februari 2009.

## 3.9 Suasana Pasaran Wang

Kadar antara bank yang bergerak dalam tiga julat yang berbeza antara 1 Januari 2009 hingga 28 Februari 2009, mencerminkan paras semasa Kadar Dasar Semalaman (OPR). Pada tempoh 1 - 21 Januari 2009, kadar purata berwajaran harian antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 3.24% - 3.25%. Berikutan penurunan OPR kepada 2.50% pada 21 Januari 2009, kadar purata berwajaran harian antara bank semalaman menurun lebih rendah dalam julat 2.50% - 2.51% pada tempoh 22 Januari 2009 - 24 Februari 2009. Dengan OPR diturunkan lagi kepada 2.00% pada 24 Februari 2009, kadar purata berwajaran harian tersebut menurun lebih rendah kepada 2.00% pada 25 Februari 2009. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain turut menurun sejajar dengan penururan OPR. Kadar deposit tetap (FD) purata bank perdagangan menurun pada bulan Januari 2009 dan Februari 2009, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 - 12 bulan adalah dalam julat lebih rendah 2.50% hingga 3.00%. Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, Kadar Pinjaman Asas (BLR) purata berada pada kadar paling rendah dalam sejarah sebanyak 5.91% pada 15 Februari 2009 (Januari 2009: 6.38%) manakala Kadar Pinjaman Purata (ALR) menurun pada paras paling rendah dalam sejarah pada 5.77% pada bulan Januari 2009 (Disember 2008: 5.86%). ALR dijangka menurun lagi berikutan penurunan OPR pada 24 Februari 2009.

Kadar inflasi terus menjadi sederhana kepada 3.9% pada bulan Januari 2009 (Disember 2008: 4.4%) berpunca daripada inflasi yang lebih perlahan dalam kategori makanan dan minuman tidak beralkohol serta pengangkutan. Harga dalam kategori pengangkutan menurun sebanyak 2.1% pada bulan Januari 2009 [Disember 2008: (0.2%)] berikutan harga purata bahan api RON97 yang sebenarnya lebih rendah pada bulan Januari 2009 (RM1.80) berbanding dengan harga purata pada bulan Disember 2008 (RM1.85). Sementara itu, kadar inflasi dalam kategori makanan dan minuman tidak beralkohol juga terus menjadi sederhana kepada 9.8% pada bulan Januari 2009 (Disember 2008: 10.4%), memandangkan lebih 80% daripada subkomponen mencatat kenaikan harga yang lebih perlahan.

*(Sumber: BNM)*

## 3.10 Pengagihan Pendapatan/Terbitan Unit Pecahan

Tiada pengagihan pendapatan dan/atau terbitan unit pecahan dicadangkan bagi Tabung sepanjang tempoh setengah tahun berakhir 15 Februari 2009.

## 3.11 Kepentingan Pemegang-Pemegang Unit

Di dalam jangkamasa kewangan ini, tiada sebarang kejadian yang menjejaskan kepentingan pemegang-pemegang unit selain dari urusniaga-urusniaga yang dijalankan selaras dengan Suratikatan Amanah, Garispanduan Tabung Unit Amanah, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa.

## 3.12 Rebet dan Komisen Tidak Langsung

Pengurus atau Pemegang Amanah tidak dibenarkan menerima sebarang rebet atau komisen dari broker/dealer sebagai imbuhan bagi urusniaga pelaburan. Sekiranya ada, imbuhan ini perlu disalurkan ke dalam akaun Tabung.

Sepanjang jangkamasa kewangan berakhir 15 Februari 2009, Pengurus tidak menerima sebarang imbuhan daripada broker/dealer selain daripada laporan ataupun material penyelidikan yang berkaitan dengan ekonomi, pasaran saham mahupun analisa penyelidikan terhadap sesuatu syarikat yang tersenarai ataupun hendak disenaraikan di Bursa Malaysia, yang mana digunakan untuk rujukan penyelidikan pelaburan.

## 4. PERNYATAAN PENGURUS

**Kepada Pemegang-Pemegang Unit**
**ASM PREMIER FUND**

Kami sebagai Pengarah-Pengarah kepada ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD selaku Pengurus kepada ASM PREMIER FUND berpendapat penyata kewangan yang tidak diaudit yang dibentangkan memberikan maklumat dan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan Tabung pada 15 Februari 2009, pergerakan nilai aset bersih, hasil kendalian aset serta aliran tunai Tabung untuk jangkamasa yang berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan diubahsuai menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Untuk dan bagi pihak
**ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD**
Selaku Pengurus ASM PREMIER FUND

**NIK MOHAMED ZAKI BIN NIK YUSOFF**
**Pengarah**

**DATO' KAMARUDDIN BIN MOHAMMED**
**Pengarah**

**KUALA LUMPUR**

**6 Mac 2009**

## 5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH

**Kepada Pemegang-Pemegang Unit**
**ASM PREMIER FUND**

AMANAH RAYA BERHAD, selaku Pemegang Amanah kepada ASM PREMIER FUND (”Unit Amanah”) berpendapat bahawa ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD, selaku Pengurus Unit Amanah telah menjalankan tanggungjawab mereka bagi tempoh kewangan berakhir 15 Februari 2009, seperti berikut:

a) Unit Amanah ini telah diuruskan selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah dan peruntukan-peruntukan lain yang termaktub di dalam Suratikatan, Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti (”Garis Panduan”), Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang diterimapakai berkuatkuasa bagi tempoh kewangan berakhir 15 Februari 2009, dengan mengambilkira segala pengecualian yang telah diberikan kepada Unit Amanah;

b) Prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menentukan harga unit tabung tersebut adalah mencukupi dan selaras dengan Suratikatan dan peruntukan undang-undang yang berkaitan; dan

c) Jualan, belian balik dan perlucutan unit ASM PREMIER FUND dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan, Garis Panduan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Untuk dan bagi pihak
**AMANAH RAYA BERHAD**

**DATO’ AHMAD RODZI PAWANTEH**
Pengarah Urusan Kumpulan

**KUALA LUMPUR**
**23 Mac 2009**

## 6. PENYATA KEWANGAN

### LEMBARAN IMBANGAN YANG TIDAK DIAUDIT PADA 15 FEBRUARI 2009

| | NOTA | 15.02.2009 RM | 15.08.2008 RM |
|---|---|---|---|
| **PELABURAN** | 4 | | |
| SAHAM TERSIARHARGA | | **21,196,784** | 30,177,673 |
| DERIVATIF TERSIARHARGA | | **151,117** | 434,417 |
| SIMPANAN WANG JANGKA PENDEK | 5 | **15,459,706** | 12,571,235 |
| | | **36,807,607** | 43,183,325 |
| **LAIN-LAIN ASET** | | | |
| WANG DI BANK | | **161,969** | 142,033 |
| TERHUTANG OLEH BROKER SAHAM | | **-** | 3,225,317 |
| LAIN-LAIN SIBERHUTANG | | **331,906** | 600,652 |
| TUNTUTAN CUKAI | | **631,630** | 510,847 |
| | | **1,125,505** | 4,478,849 |
| **JUMLAH ASET** | | **37,933,112** | 47,662,174 |
| **LIABILITI** | | | |
| TERHUTANG KEPADA PENGURUS | | **22,831** | 48,663 |
| TERHUTANG KEPADA PEMEGANG AMANAH | | **1,522** | 1,927 |
| TERHUTANG KEPADA BROKER SAHAM | | **-** | 615,023 |
| LAIN-LAIN SIPIUTANG | | **3,320** | 4,880 |
| PENGAGIHAN | 6 | **-** | 1,694,753 |
| PERUNTUKAN CUKAI | | **487,852** | 378,728 |
| **JUMLAH LIABILITI** | | **515,525** | 2,743,974 |
| **NILAI ASET BERSIH** | 7 | **37,417,587** | 44,918,200 |
| **KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT** | | | |
| **MODAL UNIT BERSIH** | 8 | **86,349,343** | 86,511,080 |
| **RIZAB BELUM DIREALISASI** | 9 | **(12,318,869)** | (3,686,937) |
| **KERUGIAN TERKUMPUL** | | **(36,612,887)** | (37,905,943) |
| | | **37,417,587** | 44,918,200 |
| **UNIT DALAM EDARAN** | 8 | **162,636,000** | 162,957,000 |
| **NILAI ASET BERSIH SEUNIT (RM)** | | **0.2301** | 0.2756 |

## PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN YANG TIDAK DIAUDIT UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR 15 FEBRUARI 2009

| | NOTA | ENAM BULAN BERAKHIR 15.02.2009 RM | ENAM BULAN BERAKHIR 15.02.2008 RM |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| DIVIDEN KASAR | | **546,450** | 687,591 |
| FAEDAH | | **239,641** | 192,297 |
| FAEDAH DARI SEKURITI PENDAPATAN TETAP TAK TERSIARHARGA | | **-** | 75,507 |
| PELUNASAN PREMIUM DARI SEKURITI PENDAPATAN TETAP TAK TERSIARHARGA | | **-** | (6,221) |
| KEUNTUNGAN DARI JUALAN PELABURAN | | **886,118** | 1,504,215 |
| PENDAPATAN PELBAGAI | | **-** | 19 |
| | | **1,672,209** | 2,453,408 |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| YURAN PENGURUS | **10** | **296,685** | 435,048 |
| YURAN PEMEGANG AMANAH | **11** | **19,779** | 29,003 |
| YURAN AUDIT | | **2,000** | 2,000 |
| YURAN AGEN CUKAI | | **440** | 440 |
| PERBELANJAAN PENTADBIRAN | | **23,443** | 20,172 |
| | | **342,347** | 486,663 |
| **KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI** | | **1,329,862** | 1,966,745 |
| CUKAI | **12** | **(111,124)** | (150,617) |
| **KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI** | | **1,218,738** | 1,816,128 |
| PENGIMBANGAN AGIHAN | | **74,318** | 2,008,565 |
| | | **1,293,056** | 3,824,693 |
| **BAKI KERUGIAN TERKUMPUL DIBAWA KE HADAPAN** | | **(37,905,943)** | (41,199,925) |
| **BAKI KERUGIAN TERKUMPUL DIHANTAR KE HADAPAN** | | **(36,612,887)** | (37,375,232) |
| **KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI TERHASIL OLEH:** | | | |
| **KEUNTUNGAN DIREALISASI** | | **1,218,738** | 1,816,128 |
| **KEUNTUNGAN BELUM DIREALISASI** | | **-** | - |
| | | **1,218,738** | 1,816,128 |

## PENYATA PERUBAHAN PADA NILAI ASET BERSIH YANG TIDAK DIAUDIT UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR 15 FEBRUARI 2009

| | **15.02.2009**<br>**RM** | 15.02.2008<br>RM |
|---|---|---|
| Nilai Aset Bersih pada awal jangkamasa | **44,918,200** | 56,648,085 |
| Penjadian unit dalam jangkamasa | **-** | 2,317,034 |
| | **44,918,200** | 58,965,119 |
| Perlucutan unit dalam jangkamasa | **(161,737)** | (7,001,258) |
| | **44,756,463** | 51,963,861 |
| Keuntungan direalisasi dalam jangkamasa | **1,218,738** | 1,816,128 |
| Pengimbangan agihan | **74,318** | 2,008,565 |
| | **1,293,056** | 3,824,693 |
| (Penurunan)/Peningkatan nilai pasaran dalam jangkamasa | **(8,631,932)** | 385,941 |
| Nilai Aset Bersih pada akhir jangkamasa | **37,417,587** | 56,174,495 |

# PENYATA ALIRAN TUNAI YANG TIDAK DIAUDIT UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR 15 FEBRUARI 2009

| | 15.02.2009<br>RM | 15.02.2008<br>RM |
|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN DAN OPERASI** | | |
| Perolehan dari penjualan pelaburan | **8,946,843** | 18,898,116 |
| Pembelian pelaburan | **(4,818,175)** | (16,811,152) |
| Dividen diterima | **664,004** | 301,326 |
| Faedah diterima | **231,282** | 187,610 |
| Faedah dari sekuriti pendapatan tetap tak tersiarharga | **-** | 132,725 |
| Penerimaan cukai yang dituntut | **36,768** | - |
| Pelunasan dari sekuriti pendapatan tetap tak tersiarharga | **-** | (6,221) |
| Yuran pengurusan telah dijelaskan | **(302,761)** | (438,562) |
| Yuran Pemegang Amanah telah dijelaskan | **(20,184)** | (29,237) |
| Yuran audit telah dijelaskan | **(4,000)** | (4,000) |
| Perbelanjaan pentadbiran | **(23,443)** | (20,172) |
| Tunai bersih dari aktiviti pelaburan dan operasi | **4,710,334** | 2,210,433 |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | |
| Perolehan daripada penjadian unit | **-** | 1,312,387 |
| Agihan telah dijelaskan | **(1,694,753)** | (4,803,343) |
| Penjelasan tunai bagi perlucutan unit | **(107,174)** | (3,988,046) |
| Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan | **(1,801,927)** | (7,479,002) |
| LEBIHAN/(KURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK | **2,908,407** | (5,268,569) |
| TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK PADA AWAL JANGKAMASA | **12,713,268** | 15,933,801 |
| TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK PADA AKHIR JANGKAMASA | **15,621,675** | 10,665,232 |
| **TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK** | | |
| Wang di bank | **161,969** | 594,108 |
| Simpanan wang jangka pendek | **15,459,706** | 10,071,124 |
| | **15,621,675** | 10,665,232 |

# NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN 15 FEBRUARI 2009

## 1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN AKTIVITI UTAMA

ASM Premier Fund diuruskan oleh ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD mula dilancarkan pada 14 Ogos 1972 dan dilancarkan semula pada 12 Jun 1995 akan terus beroperasi sehingga ia diberhentikan atau dibubarkan mengikut peruntukan Suratikatan Amanah dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Aktiviti utama ASM Premier Fund ialah urusniaga sekuriti bolehpasar di mana pelaburan dibuat di dalam ”Pelaburan yang Dibenarkan” sebagaimana yang didefinisikan di bawah Klausa 1 di dalam Suratikatan Amanah dan tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti dari semasa ke semasa. Ini termasuk sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan di dalam instrumen pasaran kewangan yang diluluskan.

